

**Buku kecil diedar JASA propaganda murahan, kata pemimpin Bersih
Malaysian Insider
3 Februari, 2013
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 3 Feb – Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih 2.0) mengecam langkah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) mengeluarkan buku kecil mengkritik kumpulan reformasi pilihan raya tersebut seperti yang dilaporkan oleh akhbar berbahasa Cina *Sin Chew* semalam, sambil menyifatkannya sebagai taktik yang sudah lapuk digunakan oleh Putrajaya.

Dalam buku setebal 322 muka surat tersebut yang berjudul "Panduan Penjelasan Isu Semasa" yang diedarkan kepada orang awam menyerang perhimpunan yang menuntut agar pembaharuan dalam sistem pilihan raya negara ini.

"Bukan sahaja buku kecil itu menyalahguna wang pembayar cukai, kandungannya juga tidak jujur dan cuai.

"Pengeluarannya adalah sejak 2012 lalu lagi," kata pengerusi bersama Bersih 2.0, Datuk Ambiga Sreenevasan kepada *The Malaysian Insider*.

Menurut Ambiga, segala yang didakwa dan diperkatakan mereka sebelum ini sudah dibuktikan terbukti dalam Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai pendatang haram di Sabah baru-baru ini dan mencukupi untuk menidakkan propaganda murahan oleh agensi dibawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan tersebut yang dipengerusikan oleh bekas ahli dewan undangan negeri Umno Hulu Klang, Datuk Fuad Hassan.

"Orang ramai boleh nilai sendiri daripada RCI di Sabah dan laporan setiap hari mengatakan terdapat orang yang didaftarkan tanpa pengetahuan mereka seperti mana yang dikatakan oleh Bersih selama ini adalah benar," ujar beliau lagi.

Bekas presiden Majlis Peguam itu juga membidas tuduhan liar yang mengatakan peserta telah dibayar RM100 setiap seorang serta mengarahkan JASA untuk berhenti menilai orang ramai mengikut kaedah dan piawaian sendiri.

"Sebaliknya ramai peserta perlu mengeluarkan wang sendiri untuk membeli kemeja T dan membayar tambang serta makanan sendiri," kata Ambiga lagi.

Dalam pada itu, ahli jawatankuasa Pemandu Bersih 2.0 Maria Chin Abdullah menyifatkan agensi kerajaan tersebut sudah kehabisan modal dan propaganda yang digembargemburkan mereka sudah tidak lagi dipercayai.

"Buku kecil itu dikeluarkan pada tahun lepas sebelum Bersih 3.0.

"Tapi sudah jelas dan terbukti propaganda tersebut tidak memberikan kesan kepada rakyat Malaysia.

"Malahan pada Himpunan Kebangkitan Rakyat bulan lalu ratusan ribu rakyat hadir di Stadium Merdeka," kata Maria.

Maria menjelaskan kejayaan perhimpunan bulan lepas juga petunjuk orang ramai dan pergerakan badan bukan kerajaan tersebut tidak pernah cuba mewujudkan kekacauan

sebaliknya menyalahkan pasukan polis yang tidak dapat mengawal keadaan sehingga berlaku keganasan.

"Pada Himpunan KL 112, orang ramai masih ke jalan raya dan kali ini pasukan polis bertingkahtaku baik dan menjalankan tugas serta tanggungjawab mereka.

"Ini membuktikan pasukan polis sepatutnya boleh mengawal keganasan pada Bersih 3.0 tetapi gagal melakukannya," jelas Maria yang menuding jari kepada pasukan polis di atas insiden semasa perhimpunan tahun lepas.

Menurut laporan akhbar *Sin Chew*, satu daripada 17 jawapan melibatkan Bersih menyatakan perhimpunan di Kuala Lumpur tersebut hanya disertai 25 ribu orang, sama sekali berbeza dengan kenyataan pengerusi Bersih 2.0, Ambiga yang mendakwa perhimpunan tersebut dihadiri oleh hampir 300 ribu orang.

Buku kecil itu juga mendakwa peserta dilaporkan mengakui mereka dibayar RM100 setiap seorang untuk turun pada hari tersebut dan juga diberikan makanan dan penginapan.

Kandungan buku kecil itu juga mengandungi keputusan kajian bersemuka yang dijalankan pada Mei tahun lepas semasa Himpunan Sejuta Belia dikalangan 15,686 orang muda dengan bertanyakan pendapat mereka yang diantaranya adalah tentang perhimpunan Bersih 3.0.

Keputusan kajian tersebut menunjukkan sebanyak 54 peratus merasakan tingkahtaku peserta semasa perhimpunan melampaui batasan undang-undang, manakala 43 peratus lagi menyatakan pasukan polis telah menjalankan tugas mereka secara profesional semasa acara tersebut.

Mereka yang menyatakan persetujuan supaya kerajaan mengambil tindakan tegas keatas peserta perhimpunan jalanan adalah 64 peratus, menurut kajian itu lagi.

Kajian tersebut dijalankan keatas mereka yang berusia antara 15 hingga 40 tahun, kebanyakannya lelaki (57.47 peratus) dan terdiri daripada kaum Melayu 83.34 peratus, manakala Cina dan India terdiri daripada 10 peratus dan 3.94 peratus.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/buku-kecil-diedar-jasa-propaganda-murahan-putrajaya-kata-pemimpin-bersih/>